

Ibu dera anak dipenjara lapan tahun tiga bulan

U-M 11/07/07 M/S 15

Oleh NORAZLITA MOHD. SIES

SHAH ALAM 10 Julai - Seorang ibu dihukum penjara lapan tahun tiga bulan oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas tuduhan pindaan melakukan penderaan fizikal terhadap anak kandungnya berusia tiga tahun sehingga meninggal dunia.

Hakim Datuk Zaharah Ibrahim ketika menjatuhkan hukuman terhadap Salina Abdul Shukor turut memerintahkan supaya ibu kepada empat orang anak yang masih kecil itu berkelakuan baik dengan bon tanpa cagaran sebanyak RM2,000 selama dua tahun. Ia hanya akan berkuatkuasa selepas dia dibebaskan.

Salina, 28, ketika ditangkap sedang hamil dan melahirkan anak bongsunya di dalam Penjara Wanita Kajang, sebelum ini telah dibicarakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana dituduh membunuh Syakir Abd Aziz, tiga tahun lalu.

Pada 6 Julai lalu, Hakim Zaharah bagaimanapun memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap Salina di bawah tuduhan membunuh.

Selepas meneliti dan menimbang fakta serta keterangan yang dikemukakan, Hakim Zaharah pada tarikh yang sama, sebaliknya mendapati pendakwa berjaya mengasaskan prima facie kes mengikut Seksyen 31(1) Akta Ka-

nak-Kanak 2001.

Menurut pertuduhan pindaan, Salina sebagai orang yang memelihara Syakir didakwa menganiaya kanak-kanak itu hingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Salina mengaku melakukan kesalahan itu antara pukul 5.30 petang, 4 April 2004 dan pukul 5 petang, 7 April 2004, di rumah 172 - A3, Kampung Pinggir, Lembah Jaya Selatan, dekat sini.

Dia didakwa mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan denda atau bon berkelakuan baik selama dua tahun, jika disabitkan kesalahan.

Peguam Hazlan Abd. Hamid ketika menyampaikan rayuan supaya hukuman diringankan memberitahu mahkamah bahawa Salina telah insaf dan menyesal serta berjanji tidak akan mengulangi kesalahan jenayah pada masa depan.

Bertekad untuk menjalani hidup baru selepas dibebaskan kelak, Salina juga menurut Hazlan, berjanji akan mendidik anak-anaknya dengan baik.

"Salina sebenarnya tabah mengharungi keperitan hidup yang susah. Tetapi dia tidak menyedari bahawa tindakannya itu tidak boleh diterima akal dan melampau," kata Hazlan.

Timbalan Pendakwa Raya, Salim Soib bagaimanapun memohon hukuman maksimum diked-

nakan terhadap Salina kerana sebagai seorang ibu, dia sepatutnya melindungi nyawa anaknya.

"Mangsa meninggal dunia setelah mengalami 29 jenis kecederaan pada badannya selain patah kedua-dua belah pahanya," kata Salim.

Beliau menambah, Salina juga pada mulanya telah meletakkan kesalahan tersebut kepada anak tirinya. Mujurlah, katanya, pihak polis menjalankan siasatan lanjut, jika tidak nescaya, anak tirinya yang tidak berdosa menerima hukuman.

Salina yang berbaju kurung hijau dan bertudung, dilihat hanya menundukkan wajahnya sepanjang prosiding tersebut. Sesekali dia kelihatan mengesat air mata.

Hakim Zaharah ketika membacakan penghakiman berkata: "Mangsa telah meninggal akibat mengalami penderaan yang teruk. Memanglah ajal maut di tangan Allah. Tetapi jika dapat bertindak awal kemungkinan tidak berakhir seperti ini."

SALINA Abdul Shukor yang di jatuhkan hukuman penjara lapan tahun tiga bulan di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

- Gambar **SHAFUDIN MOHD NOR**

